

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 November 2015

PM pilih lagu P.Ramlee di majlis makan malam ASEAN

KUALA LUMPUR 20 NOV. - Kompilasi lagu popular P.Ramlee, 'Getaran Jiwa', 'Kwek Mambo' dan 'Men-ceceh Bujang Lapok', dipilih secara peribadi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk Majlis Makan Malam Gala bagi meraikan pemimpin dan perwakilan ASEAN di ibu negara, Sabtu ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Datuk Norliza Rofli berkata, Perdana Menteri amat mengagumi legenda Malaysia itu kerana Allahyarham P.Ramlee dianggap sebagai ikon perpaduan, dengan lagu-lagu gubahannya santai untuk didengar diiringi muzik yang mengasyikkan.

"Perdana Menteri kita turut memberikan 'sentuhan peribadi' terhadap persembahan-persembahan untuk menjadikannya istimewa," katanya kepada *Bernama* tentang persembahan pada majlis makan malam itu.

Beliau berkata Najib, yang akan menjadi tuan rumah majlis itu bersama-sama isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, mahukan persembahan yang dapat memperkukuhkan lagi hubungan negara anggota ASEAN.

Sama seperti pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 di Kuala Lumpur pada bulan April, Norliza berkata, Najib meminta supaya setiap persembahan mempunyai jalan cerita yang bukan sahaja menggambarkan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, tetapi juga memaparkan perkumpulan serantau itu sebagai satu komuniti.

Beliau berkata, persembahan selama dua jam pada majlis makan malam itu akan membabitkan lima segmen iaitu daripada era P. Ramlee, kepada lagu dan tarian pelbagai kumpulan etnik di dalam negara, persembahan oleh negara anggota ASEAN dan segmen khas mengenai

rakan dialognya menerusi kebudayaan dan muzik masing-masing.

Sebuah lagu patriotik bertajuk 'Tanah Pusaka' dan lagu 'Standing In The Eyes Of The World' akan dimainkan pada sesi pembukaan majlis makan malam itu untuk memaparkan Malaysia sebagai satu daripada negara paling dihormati di dunia.

Semasa menikmati hidangan enak disediakan pasukan kulineri Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), tetamu juga akan dihiburkan dengan persembahan *ala Broadway* yang dibarisi nama-nama besar dalam industri itu seperti Sean Ghazi dan Stephen Rahman Hughes.

Pemimpin dan perwakilan kemudiannya berpeluang menonton persembahan kumpulan kanak-kanak Permata Seni yang berbakat menerusi persembahan lagu popular 'Heal The World'.

Bagi acara kemuncak katanya, lagu tema ASEAN bertajuk *One* akan dinyanyikan.

Menerusi kumpulan persembahan yang dibarisi 429 peserta terlatih termasuk ahli muzik, artis dan penari, Norliza optimis majlis makan malam itu bakal memberikan kenangan indah kepada setiap orang.

Mengenai aspek teknikal, beliau berkata pentas hidraulik khas setinggi tiga kaki telah dipasang di dewan makan untuk memastikan setiap orang dapat melihat Najib dengan jelas apabila beliau menyampaikan ucapannya.

Selain itu, pentas turut menggunakan tema Wau Bulan (layang-layang tradisional Malaysia) bagi mencerminkan kebudayaan dan warisan negara, skrin LED pada dinding dan visual mengenai negara anggota ASEAN juga akan dipaparkan bagi menyerikan lagi suasana, katanya.

- BERNAMA

Um - 21/11/2015